

Bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abdul Rahman Ya'kub meninggal dunia
Astro Awani
Januari 09, 2015

KUALA LUMPUR: Bekas Yang Dipertua Sarawak Tun Abdul Rahman Ya'kub meninggal dunia pada 9.30 malam pada Sabtu.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada usia 87 tahun di Pusat Perubatan Pakar Normah, Kuching, Sarawak.

Laporan pada November lalu menyatakan Allahyarham dimasukkan ke unit rawatan rapi hospital tersebut berikutan faktor usia.

Tun Abdul Rahman merupakan Ketua Menteri Sarawak yang ketiga.

Beliau juga merupakan Yang Pertua Negeri Sarawak keempat dan pernah memegang jawatan menteri di peringkat persekutuan.

Beliau dikenang sebagai pejuang kemerdekaan dan pejuang bahasa Melayu.

Ketika memegang jawatan Menteri Pelajaran, Allahyarham dikenali melalui 'Laporan Rahman' yang membawa banyak transformasi kepada bidang pendidikan negara.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved
Read more at: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-yang-dipertua-negeri-sarawak-tun-abdul-rahman-yakub-meninggal-dunia-51872?cp>